

## ▪ Memorandum

Pejabat Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif

Kepada : Ejen Korporat dan Individu, Takaful IKHLAS

Daripada : Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif

Salinan : En. Sharkawi Alis, Pengerusi  
En. Anuar Mohd Hasan,  
Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif, MNRB Holdings Berhad

Tarikh : 6 Julai 2010

Perkara : **Takaful IKHLAS anak syarikat milik penuh  
MNRB Holdings Berhad**

---

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Takaful Ikhlas Sdn Bhd (Takaful IKHLAS) dengan ini mengeluarkan kenyataan bahawa Takaful IKHLAS adalah anak syarikat milik penuh (100%) MNRB Holdings Berhad.

Segala khabar angin yang menyatakan Takaful IKHLAS akan diambilalih atau dibeli oleh mana-mana syarikat Takaful/Insurans yang lain adalah **TIDAK BENAR** sama sekali.

Kami menyarankan kepada semua para ejen untuk tidak membiarkan kenyataan negatif sebegini mengganggu tumpuan dan usaha anda untuk mencapai sasaran masing-masing dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian sasaran Syarikat. Jangan biarkan khabar-khabar angin yang tidak berdasar seperti ini menjejaskan sokongan dan kesetiaan anda terhadap Takaful IKHLAS.

Sila laporkan kepada Tuan Hj Wan Rosli Shaharuddin Wan Yaacob, Naib Presiden Kanan, Pembangunan Perniagaan Agensi, Takaful IKHLAS melalui emel beliau [wanrosli@takaful-ikhlas.com.my](mailto:wanrosli@takaful-ikhlas.com.my), jika anda menerima sebarang pesanan ringkas (sms), emel atau apa-apa kenyataan bertulis/bercetak mengenai perkara sebegini.

Kami akan siasat dan ambil tindakan melaporkan kepada pihak Bank Negara Malaysia menggunakan bukti-bukti ini.

Sekian, terima kasih.



**Dato' Hj. Syed Moheeb bin Syed Kamarulzaman**